



31 Januari 2023
31 January 2023
P.U. (B) 33

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**NOTIS PEMULAAAN PENYIASATAN DUTI
ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT
PRODUK GULUNGAN SEJUK KELULI ALOI ATAU
BUKAN ALOI DENGAN KELEBARAN KURANG
DARIPADA 1300MM (PENGURANGAN SEJUK)
TIDAK BERSALUT, TIDAK BERSADUR ATAU
TIDAK BERSEPUH (DALAM BENTUK GEGELUNG,
KEPINGAN, JALUR, GELUNG ATAU APA-APA BENTUK
LAIN) YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI JEPUN**

***NOTICE OF INITIATION OF ANTI-DUMPING DUTY
INVESTIGATION WITH REGARD TO IMPORTS OF
COLD ROLLED PRODUCTS OF ALLOY OR NON-ALLOY STEEL
OF A WIDTH LESS THAN 1300MM (COLD-REDUCED)
NOT CLAD, NOT PLATED OR NOT COATED (IN COIL, SHEET,
STRIP, HOOP OR ANY OTHER FORMS) ORIGINATING OR
EXPORTED FROM JAPAN***

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PEMULAAN PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN
IMPORT PRODUK GULUNGAN SEJUK KELULI ALOI ATAU BUKAN ALOI DENGAN
KELEBARAN KURANG DARIPADA 1300MM (PENGURANGAN SEJUK) TIDAK BERSALUT,
TIDAK BERSADUR ATAU TIDAK BERSEPUH (DALAM BENTUK GEGELUNG, KEPINGAN,
JALUR, GELUNG ATAU APA-APA BENTUK LAIN) YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT
DARI JEPUN

(AD 01/23)

MENURUT seksyen 20 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 7 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan telah menerima suatu petisyen yang mengatakan bahawa import produk gulungan sejuk keluli aloi atau bukan aloi dengan kelebaran kurang daripada 1300mm (pengurangan sejuk) tidak bersalut, tidak bersadur atau tidak bersepuh (dalam bentuk gegelung, kepingan, jalur, gelung atau apa-apa bentuk lain) yang berasal atau dieksport dari Jepun (“dagangan subjek”) sedang dilambakkan di Malaysia yang menyebabkan kemudaratan material kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa (“industri Malaysia”), dan Kerajaan telah memutuskan supaya suatu penyiasatan duti anti-lambakan dimulakan.

Petisyen

1. Petisyen itu telah dibuat oleh—

Mycron Steel CRC Sdn. Bhd.
Lot 717, Jalan Sungai Rasau
Seksyen 16, 40200 Shah Alam
Selangor
Malaysia

pengeluar dalam negeri produk gulungan sejuk keluli aloi atau bukan aloi dengan kelebaran kurang daripada 1300mm (pengurangan sejuk) tidak bersalut, tidak bersadur atau tidak bersepuh (dalam bentuk gegelung, kepingan, jalur, gelung atau apa-apa bentuk lain) bagi pihak industri Malaysia.

Dagangan subjek

2. (1) Dagangan subjek yang dikatakan telah dilambakkan di Malaysia ialah produk gulungan sejuk keluli aloi atau bukan aloi dengan kelebaran kurang daripada 1300mm (pengurangan sejuk) tidak bersalut, tidak bersadur atau tidak bersepuh (dalam bentuk gegelung, kepingan, jalur, gelung atau apa-apa bentuk lain) yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan ("Kod H.S.") dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN ("AHTN") 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7209.25.00 00, 7209.26.10 00, 7209.26.90 00, 7209.27.10 00, 7209.27.90 00, 7209.28.90 00, 7209.90.90 00, 7211.23.20 00, 7211.23.90 00, 7211.29.20 00, 7211.29.90 00, 7211.90.11 00, 7211.90.12 00, 7225.50.90 00, 7225.99.90 00, 7226.92.10 00 dan 7226.92.90 00.

(2) Kod H.S. dan AHTN yang dinyatakan dalam subperenggan (1) diberikan hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan dagangan subjek.

Pengataan lambakan

3. (1) Pengataan lambakan adalah berdasarkan perbandingan antara nilai normal dagangan subjek di Jepun dengan harga eksport yang bersamaan dengannya apabila dagangan subjek itu dieksport ke Malaysia.

(2) Berdasarkan perbandingan ini, margin lambakan sebagaimana yang dikatakan oleh pempetisyen adalah signifikan bagi pengeluar atau pengeksport itu.

Pengataan kemudaran

4. (1) Pempetisyen telah menyatakan dan memberikan keterangan bahawa import dagangan subjek dari Jepun telah meningkat dari segi kuantiti mutlak.

(2) Dikatakan selanjutnya bahawa kesan lambakan itu, industri Malaysia telah mengalami kemudaran, yang antara lainnya, pengurangan syer pasaran, kemerosotan jualan, kemerosotan jumlah pengeluaran sebenar, penggunaan kapasiti dan produktiviti, kemerosotan keuntungan, penurunan aliran tunai, pengurangan

dalam pulangan pelaburan dan jumlah aset serta keupayaan rendah untuk meningkatkan modal.

Tatacara

5. (1) Setelah menentukan bahawa terdapat kewujudan keterangan yang mencukupi untuk mewajarkan suatu penyiasatan duti anti-lambakan dimulakan dan penyiasatan sedemikian adalah demi kepentingan awam, Kerajaan memulakan penyiasatan menurut seksyen 20 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994.

(2) Penyiasatan ini akan menentukan sama ada kewujudan, tahap dan kesan lambakan dagangan subjek yang dikatakan kepada industri Malaysia.

Soal selidik

6. (1) Bagi maksud mendapatkan maklumat yang disifatkan perlu bagi penyiasatan itu, Kerajaan akan menghantar soal selidik kepada—

- (a) industri Malaysia dan mana-mana persatuan pengeluar di Malaysia;
- (b) Pengeluar atau pengeksport dagangan subjek dari Jepun yang dinamakan dalam petisyen;
- (c) pengimport dan mana-mana persatuan pengimport yang dinamakan dalam petisyen; dan
- (d) Kerajaan Jepun.

(2) Dalam apa-apa keadaan, semua pihak berkepentingan yang tidak dihubungi oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dijemput untuk menghubungi MITI secara bertulis, melalui pos, faksimile, e-mel atau serahan tangan, untuk mengetahui sama ada mereka disenaraikan dalam petisyen ini.

(3) Jika perlu, pihak berkepentingan itu boleh memohon bagi salinan soal selidik itu dengan mengenal pasti jenis aktiviti perniagaan mereka yang berkaitan dengan penyiasatan ini.

Pengumpulan maklumat

7. Semua pihak berkepentingan dijemput untuk memberikan pandangan mereka secara bertulis, khususnya dengan menjawab soal selidik yang dialamatkan kepada mereka dan dengan mengemukakan keterangan sokongan.

Had masa

8. (1) Mana-mana pihak berkepentingan yang berhasrat untuk memohon soal selidik hendaklah berbuat demikian tidak lewat daripada lima belas hari selepas penyiaran notis ini dalam *Warta*.

(2) Semua pihak berkepentingan hendaklah menyatakan pandangan mereka secara bertulis dan mengemukakan jawapan soal selidik dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyiaran notis ini dalam *Warta* sekiranya pandangan dan jawapan itu hendak diambil kira semasa penyiasatan ini, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Pengemukakan maklumat bertulis, jawapan soal selidik dan surat-menyurat

9. (1) Semua pengemukakan maklumat, jawapan soal selidik dan surat-menyurat hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui pos, faksimile, e-mel atau serahan tangan dan dengan jelas menyatakan nama, alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan faksimile pihak berkepentingan itu kepada—

Pengarah
Seksyen Amalan Perdagangan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
Aras 9, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Nombor telefon: (603) 6208 4632/4634/4646

Nombor faksimile: (603) 6211 4429

Alamat e-mel: alltps@miti.gov.my

2. Sekiranya pihak berkepentingan tidak memberikan maklumat yang perlu atau maklumat dan pandangan itu tidak diterima dalam bentuk yang memadai dalam had masa yang dinyatakan, Kerajaan boleh membuat penentuan awal atau muktamadnya berdasarkan fakta yang ada mengikut seksyen 41 Akta.

Bertarikh 25 Januari 2023

[MITI.600-2/2/23; PN(PU2)529/JLD. 31]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF INITIATION OF ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION WITH REGARD TO
IMPORTS OF COLD ROLLED PRODUCTS OF ALLOY OR NON-ALLOY STEEL OF A WIDTH
LESS THAN 1300MM (COLD-REDUCED) NOT CLAD, NOT PLATED OR NOT COATED
(IN COIL, SHEET, STRIP, HOOP OR ANY OTHER FORMS) ORIGINATING OR EXPORTED
FROM JAPAN

(AD 01/23)

PURSUANT to section 20 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [Act 504] and regulation 7 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations 1994 [P.U. (A) 233/1994], the Government has received a petition alleging that the imports of cold rolled products of alloy or non-alloy steel of a width less than 1300mm (cold-reduced) not clad, not plated or not coated (in coil, sheet, strip, hoop or any other forms) originating or exported from Japan ("subject merchandise") are being dumped in Malaysia causing material injury to the domestic industry in Malaysia producing the like product ("Malaysian industry"), and the Government has decided that an anti-dumping investigation be initiated.

Petition

1. The petition was lodged by—

Mycron Steel CRC Sdn. Bhd.
Lot 717, Jalan Sungai Rasau
Seksyen 16, 40200 Shah Alam
Selangor
Malaysia

the domestic producer of cold rolled products of alloy or non-alloy steel of a width less than 1300mm (cold-reduced) not clad, not plated or not coated (in coil, sheet, strip, hoop or any other forms) on behalf of the Malaysian industry.

Subject merchandise

2. (1) The subject merchandise alleged to have been dumped in Malaysia is cold rolled products of alloy or non-alloy steel of a width less than 1300mm (cold-reduced) not clad, not plated or not coated (in coil, sheet, strip, hoop or any other forms) classified under the Harmonised System Code ("H.S. Code") and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature ("AHTN") 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7209.25.00 00, 7209.26.10 00, 7209.26.90 00, 7209.27.10 00, 7209.27.90 00, 7209.28.90 00, 7209.90.90 00, 7211.23.20 00, 7211.23.90 00, 7211.29.20 00, 7211.29.90 00, 7211.90.11 00, 7211.90.12 00, 7225.50.90 00, 7225.99.90 00, 7226.92.10 00 and 7226.92.90 00.

(2) The H.S. Code and AHTN specified in subparagraph (1) are given only for information and have no binding effect on the classification of the subject merchandise.

Allegation of dumping

3. (1) The allegation of dumping is based on a comparison between the normal value of the subject merchandise in Japan with their corresponding export prices when the subject merchandise is exported to Malaysia.

(2) Based on this comparison, dumping margins as alleged by the petitioner are significant for that producers or exporters.

Allegation of injury

4. (1) The petitioner has stated and provided evidence that the imports of the subject merchandise from Japan have increased in terms of absolute quantity.

(2) It was further alleged that effect of such dumping, the Malaysian industry has suffered injury, among others, reduction in market share, decline in sales, decline in actual production, capacity utilization and productivity, decline in profitability, decreased cash flow, reduction in return on investment and total asset and low ability to raise capital.

Procedure

5. (1) Having determined that there is sufficient evidence exists to warrant an anti-dumping duty investigation be initiated and such investigation is in the public interest, the Government initiates an investigation pursuant to section 20 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 and subregulation 7(1) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations 1994.

(2) The investigation will determine whether the existence, degree and effect of the alleged dumping of the subject merchandise to Malaysian industry.

Questionnaires

6. (1) In order to obtain information deemed necessary for the investigation, the Government will distribute questionnaires to—

- (a) the Malaysian industry and any association of producers in Malaysia;
- (b) the producers or exporters of subject merchandise from Japan named in the petition;
- (c) the importers and any association of importers named in the petition; and
- (d) the Government of Japan.

(2) In any event, all interested parties not contacted by the Ministry of International Trade and Industry (MITI) are invited to contact MITI in writing, by post, facsimile, e-mail or by hand in order to find out whether they are listed in this petition.

(3) If necessary, such interested parties may request for a copy of the questionnaires by identifying the nature of their business activities related to the investigation.

Collection of information

7. All interested parties are invited to make their views known in writing, in particular by responding to the questionnaires addressed to them and by providing supporting evidence.

Time limit

8. (1) Any interested party who desires to request for a questionnaire shall do so not later than fifteen days after the publication of this notice in the *Gazette*.

(2) All interested parties must present their views in writing and submit questionnaire responses within thirty days of the date of publication of this notice in the *Gazette* if such views and responses are to be taken into consideration during the investigation, unless otherwise specified.

Submissions of written information, questionnaires responses and correspondences

9. (1) All submissions of information, questionnaires responses and correspondences must be made in writing and sent by post, facsimile, e-mail or by hand and with clear indication of the name, address, e-mail address, telephone and facsimile numbers of the interested parties to—

Director
Trade Practices Section
Ministry of International Trade and Industry (MITI)
Level 9, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Telephone number: (603) 6208 4632/4634/4646

Facsimile number: (603) 6211 4429

E-mail address: alltps@miti.gov.my

(2) If the interested parties do not provide the necessary information or the information and views are not received in adequate form within the specified time limit, the Government may make its preliminary or final determination on the basis of the available facts in accordance with section 41 of the Act.

Dated 25 January 2023
[MITI:600-2/2/23; PN(PU2)529/JLD. 31]

TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of International Trade and Industry